

KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN KATEGORI JARING – BOLA TAMPAR

Lengkapkan petikan berikut dengan jawapan yang sesuai.

25	mematikan	tiga	rotasi	enam
servis	mata	badan	kesalahan	jaring

1. Bola tampar adalah sejenis permainan kategori _____ yang dimainkan oleh dua pasukan dengan _____ orang pemain bagi setiap pasukan.
2. Setiap pasukan akan berusaha mendapatkan mata dengan _____ bola ke dalam gelanggang lawan.
3. Mata juga diperolehi jika pihak lawan melakukan _____ mengikut peraturan permainan ataupun memukul bola keluar dari gelanggang.
4. Permainan dimulakan dengan seorang pemain melakukan _____ dari luar garisan belakang.
5. Pasukan yang menerima servis boleh memainkan bola dengan menggunakan mana-mana bahagian _____ dan akan membuat percubaan untuk mengembalikan bola ke gelanggang lawan.
6. Setiap pasukan dibenarkan melakukan tidak lebih daripada _____ sentuhan bola untuk membuat hantaran. Seseorang pemain tidak boleh menyentuh bola dua kali berturut-turut.
7. Pasukan yang memperoleh _____ akan melakukan servis seterusnya.
8. Permainan diteruskan sehingga salah satu pasukan memperoleh _____ dengan perbezaan dua mata.
9. Salah satu keistimewaan tentang permainan bola tampar adalah _____ pemain apabila servis bertukar pasukan.